

Atasi masalah 'miskin bandar'

Oleh RAJA NONG CHIK RAJA ZAINAL ABIDIN

HARI ini genaplah 100 hari saya bertugas sebagai Menteri Wilayah Persekutuan. Selaku Menteri baru dalam Kabinet, tugas dan tanggungjawab yang saya galas ini amat berat dan mencabar.

Pertama, saya terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah harian seperti setinggan, kemiskinan bandar, kesesakan lalu lintas, banjir kilat, penjaja dan banyak lagi. Kesemuanya berhubung kait dengan kebajikan rakyat serta warga kota.

Kedua, saya perlu meneruskan pembangunan yang telah dirancang sebelum ini dan memastikan ia dilaksanakan dengan lancar untuk manfaat rakyat.

Kedua-dua cabaran ini memerlukan komitmen dan kesungguhan, khususnya dalam mendepani masalah rakyat selain melaksanakan perancangan, dengan begitu teliti dan realistik untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf kelas pertama.

Selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan, maka saya dalam tempoh 100 hari ini telah berusaha memikul tanggungjawab tersebut sebaik mungkin. Bersandarkan gagasan "Satu Malaysia: rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan".

Kerana sudah berkecimpung dalam politik di bandar raya ini lebih 20 tahun, saya sedikit sebanyak memahami permasalahan warga kota. Sebaik memulakan tugas, langkah pertama ialah turun padang meninjau agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Selaras dengan harapan rakyat dan kerajaan, saya berhasrat untuk melonjakkan imej Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya kelas pertama di samping menyelami masalah penduduknya.

Namun, banyak perkara asas ke arah pembaikan dan kemajuan perlu dilakukan. Atas dasar itu, saya telah mengilhamkan visi 7P, yang merangkumi:

1. Pembangunan lebih teratur lagi sistemik bagi mencapai kemajuan yang benar-benar dirasai oleh masyarakat, termasuk pelabur asing.
2. Perumahan bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah.
3. Penjaja dan peniaga kecil diberi ruang seluas-luasnya untuk meningkatkan pendapatan serta membantu wanita dan golongan muda menjalankan perniagaan berlesen;
4. Pengangkutan yang menjadi pemangkin dalam mengurus kemudahan awam di bandar yang kini semakin mencabar;
5. Penyelenggaraan prasarana dan kemudahan awam untuk rakyat turut diberi perhatian utama;
6. Perkhidmatan dan penguatkuasaan yang meningkatkan perkhidmatan mesra rakyat terutama daripada penguatkuasaan.
7. Prihatin dalam soal kebajikan dan masalah penduduk kota termasuk mewujudkan jaringan kesihatan.

Saya telah memperincikan terperinci konsep 7P ini kepada pegawai-pegawai agensi di bawah Kementerian. Saya rasa Kementerian wajib menyediakan landasan untuk mendengar suara rakyat sama ada melalui dialog dengan persatuan dan NGO atau secara langsung menggunakan teknologi Internet ter-

Saya akan terus melakukan yang terbaik untuk merealisasikan visi 7P ini, yang bakal membentuk KPI saya. KPI ini merangkumi sasaran yang perlu dicapai oleh Kementerian Wilayah dalam jangka pendek, sederhana dan panjang

kini seperti Facebook atau Twitter.

Saya akan terus melakukan yang terbaik untuk merealisasikan visi 7P ini, yang bakal membentuk KPI saya. KPI ini merangkumi sasaran yang perlu dicapai oleh Kementerian Wilayah dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.

Ia juga akan membentuk KPI penjawat awam di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan.

Fokus utama saya ialah memberikan perhatian kepada warga kota yang berpendapatan rendah. Golongan miskin bandar atau "MISBAN" ini wajar dibela kerana kita mahu wujudkan suasana hidup lebih saksama selain menyediakan gelanggang yang sama rata.

Dalam hal ini, prioriti saya ialah menyelesaikan masalah perumahan warga kota dan tapak niaga untuk penjaja-penjaja kecil.

Kedua-dua ini saya anggap serius kerana membabitkan secara langsung keperluan rakyat sekali gus dapat menyelesaikan masalah setinggan dan membasmi kemiskinan bandar.

Masalah perumahan yang merangkumi setinggan dan penempatan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) dijangka diselesaikan dalam tempoh setahun dua ini.

Sehingga kini seramai 4,833 keluarga setinggan yang menetap di tanah kerajaan sekitar Kuala Lumpur masih belum berpindah ke PPR. Saya mensasarkan usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur setinggan bebas dapat dicapai menjelang tahun 2010.

Saya juga memandang serius masalah pemilik atau penghuni unit-unit di pembangunan strata terutamanya dalam aspek penyelenggaraan. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 236,000 unit kediaman dan perdagangan di bangunan-bangunan strata di Wilayah Persekutuan.

Kementerian sedang mengkaji langkah-langkah sesuai yang bertujuan memperkemas peranan Pesuruhjaya Bangunan bagi menangani masalah-masalah pemilik atau penghuni kediaman tersebut.

Bagi aspek penyelenggaraan pula, Kementerian pada masa ini memberi tumpuan kepada kerja-kerja menyelenggara Projek Perumahan Rakyat (PPR) terlebih dahulu.

Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta untuk membaiki pulih dan menaik taraf enam PPR di sekitar Kuala Lumpur di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Kerja-kerja berkenaan mula dilaksanakan di Vista Angkasa manakala lima lagi yang bakal menyusul ialah Sri Tioman 2,



RAJA NONG CHIK

Gombak 2, Keramat Jaya 2, Setapak Jaya 1B dan Kondo Rakyat. Saya sendiri akan memantau projek ini bagi memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan.

Langkah penjualan PPR seperti diumumkan oleh Perdana Menteri sedang diperhalusi dan dijangka menjadi kenyataan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Isu-isu yang diketengahkan persatuan penduduk turut diambil kira, khususnya melalui sesi dialog bersama mereka.

Sementara bagi tapak berniaga pula, saya bertekad mahu memberi peluang kepada keluarga berpendapatan rendah atau miskin mendapat ruang

berniaga di tempat-tempat strategik agar dapat membantu menjana pendapatan mereka. Langkah ini penting khususnya dalam keadaan ekonomi yang agak suram sekarang. Namun keutamaan sudah tentu akan saya berikan kepada penjaja tulen.

Selain itu, masalah penjaja pasar juga perlu diberi perhatian. Saya telah melakukan tinjauan mesra di tiga pasar utama iaitu Pasar Keramat, Pasar Pudu dan Pasar Jalan Petaling. Melalui sesi dialog bersama golongan ini, banyak permasalahan yang timbul telah berjaya kita atasi bersama dalam suasana menang-menang.

Sebagai langkah mengenal pasti masalah harian rakyat secara lebih dekat, saya telah banyak meluangkan masa turun padang berjumpa dengan orang ramai, selain memantau sendiri kemajuan pembangunan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Saya lakukan ini kerana percaya laporan yang diterima di bilik berhawa dingin tidak serupa jika kita tidak melihat serta mendalami sendiri masalah rakyat.

Langkah membanteras jenayah di ibu kota juga tidak kurang pentingnya. Usaha ini akan dilakukan secara berterusan dan sudah pasti membabitkan Kementerian Dalam Negeri serta pelbagai agensi lain.

Saya sedar, saya tidak akan mampu memuaskan hati setiap warga kota dalam melaksanakan usaha-usaha ini. Namun, saya akan memastikan segala pertimbangan dan keputusan, mesti mengambil kira kepentingan ramai dan bukan hanya untuk sekelompok kecil penduduk sahaja.

Saya tidak rasa kekok atau janggal untuk berkhidmat kepada rakyat kerana saya sememangnya datang dari keluarga yang telah lama sebatikan dengan masalah rakyat. Saya

dibesarkan di Kuala Lumpur sejak usia saya enam bulan dan merupakan penduduk yang tinggal di sekitar bandar ini.

Bekas adalah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya yang pertama dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Tradisi berkhidmat untuk rakyat ini turut diwarisi oleh ayah yang pernah memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan sebelum bersara.

Saya bagaikan sudah dilatih untuk meneruskan tradisi keluarga dan kini mahu mencurahkan khidmat yang terbaik tanpa mengira kaum, agama atau fahaman politik.

Selaku Ketua Bahagian UMNO Lembah Pantai, saya memang sudah biasa bergaul dengan penduduk setinggan serta penghuni perumahan awam di sekitar bahagian Lembah Pantai.

Mereka ini mewakili peratusan besar daripada pengundi di Parlimen tersebut. Kalau dulu saya banyak menyelesaikan masalah mereka dari luar, namun kini saya lebih berpeluang membantu mereka dari dalam.

Kuala Lumpur juga tidak asing bagi saya kerana sejak kecil lagi saya sudah berada di sini meskipun saya lahir di Perak. Seluruh alam persekolahan saya ialah di Kuala Lumpur. Dari Methodist Boys School, Victoria Institution hinggalah ke Maktab Tentera Diraja Kuala Lumpur.

Pada zaman persekolahan, rakan sebaya saya rata-rata berbilang kaum dan kami sungguh akrab sehingga ke hari ini. Namun, saya lihat sekarang, elemen perpaduan kaum di kalangan masyarakat dan pelajar agak longgar dan perlu diperkukuhkan semula.

Sebab itulah gagasan Satu Malaysia yang diperkenalkan kerajaan adalah tepat pada masanya dan wajar disokong sepenuhnya oleh setiap rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan politik. Sokongan ini bertujuan memastikan setiap lapisan masyarakat dapat terus hidup bersatu padu, harmoni dan saling hormat menghormati demi masa depan anak cucu kita bersama.

Saya sedar tugas yang perlu digalas ini bukanlah mudah dan memerlukan komitmen yang amat tinggi daripada semua pihak, termasuk rakyat sendiri. Warga Wilayah Persekutuan perlu memupuk sikap positif dalam pelbagai aspek kehidupan seperti mematuhi undang-undang sedia ada, mengamalkan sikap positif dan bertimbang rasa.

Buangkanlah sikap mementingkan diri sendiri. Kita tidak patut lokek untuk menghargai jasa orang lain dan sentiasa ringan untuk mengamalkan ucapan terima kasih.

Di samping itu, usaha saya ini juga memerlukan pengembelangan tenaga setiap warga Kementerian serta agensi di bawah naungan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Namun, dalam tempoh 100 hari ini, saya amat berpuas hati dengan komitmen mereka, dari peringkat pengurusan tertinggi hinggalah kepada peringkat bawah.

Bagi saya, setiap warga Kementerian mempunyai peranan masing-masing dalam membantu saya mencapai misi dan memikul amanah berat ini. Bak kata pepatah Melayu, Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, begitu juga saya yang menaruh harapan penuh kepada setiap kakitangan Kementerian.